

13/10/1997

PJJ: Sikap pengetua dikesali

Ibnu Mat Nafi

SEPERTI yang kita maklum, Kementerian Pendidikan meluluskan program pendidikan jarak jauh (PJJ) di institusi pengajian tinggi tempatan bagi memberi peluang kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan terutamanya mereka dalam kategori DG6 yang ingin meningkatkan gred ke DG3.

Ini disarankan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abd Razak yang mengkehendaki semua guru terutamanya di sekolah menengah meningkatkan prestasi akademik mereka ke peringkat ijazah menjelang tahun 2000.

Tetapi, kini indah khabar dari rupa! Hasrat murni itu hanya omong-omong kosong sahaja kerana tindakan beberapa pengetua dan guru besar di sekolah yang cuba membelakangi arahan ini serta bertindak menghalang kami meneruskan pengajian dengan bersemangat.

Apa tidaknya, guru yang prihatin dan bersemangat tinggi untuk melanjutkan pelajaran ke universiti melalui program PJJ, tidak diberi kelonggaran untuk menghadiri kuliah pada hujung minggu terutamanya pada hari Sabtu atau Ahad.

Tidakkah mereka terfikir, surat kebenaran mengikuti PJJ itu disokong oleh mereka sebelum dipanjangkan ke Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri? Adakah mereka terlupa atau buat-buat lupa?

Mereka sengaja mengadakan majlis formal pada hari Sabtu dan Ahad serta mengeluarkan pekeliling mewajibkannya kepada semua guru supaya hadir dan sekiranya tidak hadir akan diambil disiplin.

Pelbagai ugutan yang dilakukan oleh mereka terhadap guru yang mengikuti program PJJ.

Kami tahu mereka mempunyai kuasa, tapi sampai ke mana kuasa itu berkesan jika mereka sendiri enggan menggunakan budi bicara sebelum membuat sesuatu keputusan seperti yang disarankan oleh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kami kini terperangkap sama ada ingin mengikut arahan pihak pentadbir sekolah ataupun menghadiri kuliah PJJ. Pihak universiti tempat kami belajar sering bersimpati dengan masalah kami tetapi berapa lama mereka boleh bersabar!

Semua pihak tahu, perbelanjaan mengikuti PJJ mahal dan kami mengeluarkan wang berbelas ribu ringgit membiayai yuran pengajian program ini serta berharap berjaya menamatkannya.

Kekangan sebegini membuatkan kami berputus asa dan kurang berminat untuk meneruskan PJJ ini.

Kami berharap akan mendapat pembelaan sewajarnya dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini.